

## BAB LIMA

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

## KESIMPULAN DAN PENUTUP

### 5.1 Pengenalan

Sains sering dianggap tidak seiring dengan agama. Kebanyakan saintis berpendapat, untuk maju di dalam bidang sains, ia harus diasingkan dari agama. Agama dianggap sebagai penghalang kepada penemuan dan pengemukaan teori-teori baru. Ini adalah benar apabila dilihat dalam konteks agama Kristian. Tekanan-tekanan dikenakan oleh gereja terhadap mereka yang mengeluarkan teori-teori yang dianggap bercanggah dengan Bible.

Keadaan ini tidak berlaku di dalam agama Islam. Agama Islam menggalakkan umatnya menuntut ilmu dan meneroka rahsia-rahsia alam. Begitu juga dengan al-Qur'an yang mendedahkan pelbagai rahsia alam namun tetap terbuka untuk dibahaskan dan ditafsirkan sesuai dengan peningkatan ilmu manusia.



Sains pada hari ini dianggap sebagai satu disiplin yang paling penting di dalam peradaban manusia. Saintis mempunyai kuasa besar dalam menentukan kebanyakan keputusan malah mereka turut mempengaruhi polisi kerajaan. Ini kerana sains menjadi faktor utama dalam membezakan zaman moden daripada pertengahan dan zaman lampau, dengan kata lain, sains adalah sebagai pembeza antara kemajuan dan kemunduran.<sup>267</sup>

---

<sup>267</sup> Cemil Akdogan (2002), "The Origins of Modern Science", *Islamic Herald*, Vol. 23, No. 2, April 2002, h. 12

Sains barat moden terutamanya, menilai dunia dengan material, yang mana tidak wujud pencipta di dalamnya dan meletakkan material sebagai asas kepada kemajuan.<sup>268</sup> Di atas dasar inilah tamadun barat, yang dianggap paling tinggi dan maju berbanding keseluruhan tamadun-tamadun lain, dibina dan pencapaian dalam bidang sains ditumpukan kepada keseronokan sahaja.<sup>269</sup> Pemikiran masyarakat hari ini juga seakan sudah diprogramkan untuk menyakini bahawa untuk bersaing selari dengan dunia global, setiap aspek sains dan teknologi moden harus diambil sepenuhnya tanpa kritikan.<sup>270</sup>

Sains sepatutnya dimanipulasi dan digunakan untuk membantu tugas-tugas manusia sebagai khalifah di muka bumi ini. Sains adalah sebagai alat yang dicipta untuk memudahkan urusan-urusan di dunia. Ia harus diguna dengan sewajarnya agar tidak terpesong dari matlamatnya yang asal. Ringkasnya sains adalah tongkat di dalam menuju jalan Allah, bukannya sebagai pemandu.

Di dalam membentuk teori-teori penciptaan alam semesta, ahli-ahli agama, falsafah dah sains telah mengamati alam sekeliling mereka dan meneropong ke angkasa. Perumusan teori-teori mereka boleh dikatakan adalah menggunakan sains. Perbezaan wujud disebabkan teknologi yang digunakan dan fahaman atau dasar yang mereka pegang. Ringkasnya perbezaan atau persamaan teori-teori ini diringkaskan di dalam jadual berikut

---

<sup>268</sup> Sulaiman Noordin (1981), *Op. Cit.*, h. 3

<sup>269</sup> *Ibid*, h. 7-8

<sup>270</sup> Maryam Jameelah (1976), *Modern Technology and The Dehumanization of Man*, Lahore : Mohammad Yusuf Khan, h. 5

Jadual 5.1

(Perbandingan ciri-ciri penciptaan alam semesta)

Bil.	Teori-teori Awal	Teori-teori Sains	Teori-teori Agama
1.	Dirumuskan melalui observasi, falsafah dan logik	Dirumuskan melalui observasi menggunakan teknologi canggih dan logik	Berlandaskan wahyu yang disampaikan oleh utusan Tuhan
2.	Dipengaruhi oleh mitos dan unsur-unsur magik	Dipengaruhi oleh fahaman dan idealisme tertentu	Semata-mata untuk mencari kebenaran
3.	Tercipta dengan sendirinya	Terdapat dua teori iaitu dicipta dan tercipta dengan sendirinya	Dicipta dan mempunyai pencipta
4.	Tidak membincangkan tentang kesudahan alam semesta	Terdapat dua teori iaitu ia akan musnah dan alam akan terus berkembang (kekal)	Alam semesta akan musnah akhirnya dan adanya hari pembalasan
5.	Teori-teori terkenal adalah dari tamadun Greek dan Mesir	Teori-teori terkenal adalah Teori Alam Semesta Berkeadaan Mantap dan Teori Letupan Besar	Agama-agama terkemuka dunia iaitu Islam, Kristian dan Yahudi



## 5.2 Analisis

Analisis kajian ini telah dibuat dengan mengambil kira tujuan dan objektif penyelidikan. Dengan melihat tujuan dan objektif penyelidikan ini, penulis telah membandingkan kedua-dua pendapat kewujudan alam semesta iaitu pandangan-pandangan al-Qur'an dan sains. Persamaan atau perbezaan yang didapati telah diuraikan berasaskan perkara ini. Tujuan utama kajian ialah mencari dan

merumuskan satu teori atau pegangan kepada umat Islam berkenaan dengan permulaan penciptaan alam.

Dari kajian yang dibuat, terdapat 13 aspek penciptaan di dalam al-Qur'an. Penulis membahagikan aspek-aspek penciptaan ini kepada dua bahagian iaitu proses penciptaan dan tujuan penciptaan. Analisis secara ringkas tentang aspek-aspek penciptaan dapat dilihat di dalam jadual di bawah.

Jadual 5.2 (a)

(Analisis aspek-aspek penciptaan)

Bil.	Proses Penciptaan	Analisis
1.	Ada pencipta	Ini menunjukkan wujud satu kuasa menciptanya iaitu Tuhan. Ia dicipta dari tiada kepada ada
2.	Dicipta dari asap	Asap atau kabus atau gas yang menjadi pemula kepada kehidupan. Ia membuktikan kekuasaan Pencipta yang mampu menjadikan alam semesta yang begitu lengkap dan sempurna ini hanya dari asap.
3.	Bermula dari air	Setiap kehidupan tumbuh dan berkembang dengan adanya air. Air sebagai sumber kehidupan dan pemangkin kepada kehidupan. Bermula dari air manusia diciptakan dan air juga sebagai penampung kehidupan mereka
4.	Langit dan Bumi asalnya adalah satu	Menunjukkan kehebatan dan kekuasaan Allah memisahkan dua tempat tinggal, yang mana Bumi dihuni oleh manusia dan makhluk-makhluk lain, dan langit pula didiami oleh makhluk-makhluk yang lain.
5.	Langit adalah tujuh lapis	Pernyataan ini juga menunjukkan kehebatan Allah yang menjadikan langit tujuh lapis, yang mana setiap lapisan adalah berbeza keadaannya dan dihuni oleh makhluk yang berbeza

6.	Bumi dicipta selepas cakerawala-cakerawala lain	Ini sesuai dengan kehendak Allah yang menjadikan alam semesta ini untuk ditakluki dan ditadbir oleh manusia. Kediaman manusia ini diciptakan selepas cakerawala-cakerawala lain seperti bintang dan matahari untuk memberi keseimbangan kepada kehidupan di Bumi.
7.	Alam semesta mengembang	Bukti kekuasaan Allah yang menjadikan alam ini dari sangat kecil dan mengembang menjadi luas
8.	Alam dicipta dalam enam masa	Tahap-tahap penciptaan yang disebut enam masa membawa maksud keteraturan dan rapinya ciptaan Allah bukan menunjukkan Allah memerlukan masa untuk mencipta sesuatu
Tujuan		
1.	Penciptaan alam mempunyai tujuan	Setiap ciptaan Allah mempunyai tujuan dan sebabnya yang tertentu. Penciptaan alam dengan tujuan memandu manusia ke jalan yang benar
2.	Bumi adalah pusat alam	Ia bermaksud bahawa Bumi merupakan planet yang paling istimewa di alam semesta kerana ia dihuni oleh manusia, makhluk pilihan
3.	Berlaku letupan besar sebagai tanda berakhirnya alam dan kehidupan dunia	Letupan besar yang berlaku menandakan alam semesta berakhir dan tiba masa untuk pembalasan di hari akhirat. Walaupun di dalam al-Qur'an letupan besar tidak dinyatakan secara jelas ia sebagai pemula kepada penciptaan alam, ia berkemungkinan kerana al-Qur'an ada menyatakan selepas dunia hancur akibat dari letupan besar ini, ia akan diciptakan semula. Mungkin pada awal kejadiannya ia bermula dari satu letupan besar
4.	Alam semesta mempunyai akhirannya	Alam semesta dengan penyudah adalah satu manifestasi dari Allah bahawa setiap yang bermula akan berakhir, begitu juga dengan kehidupan manusia. Hari Akhirat adalah hari penilaian dan pembalasan
5.	Alam semesta akan diciptakan semula	Alam yang musnah ini akan diciptakan semula mengikut kehendak Allah. Keadaan ini tidak mustahil bagi Allah menghidupkan sesuatu yang sudah mati dan musnah kerana Dia juga mampu mewujudkan sesuatu yang tiada kepada ada

Semua aspek kejadian mempunyai perkaitan di antara satu sama lain kerana ia menuju kepada matlamat yang satu iaitu Allah. Dengan menyatakan bahawa Allah sebagai pencipta alam ini menunjukkan bahawa alam ini bermula dari tiada. Ia kemudiannya diadakan oleh Allah. Allah menjadikan asap sebagai permulaannya. Asap ini kemudiannya menjadi air dan membentuk alam semesta ini. Dinyatakan juga bahawa bumi dan langit ini adalah satu, kemudian ia dipisahkan dengan perantaraan udara. Alam ini juga adalah mengembang iaitu ia menjadi bertambah besar. Dalil ini menunjukkan bahawa alam ini asalnya adalah kecil dan menjadi bertambah besar. Teori sains merumuskan bahawa pada asalnya mungkin jirim adalah sangat kecil. Allah juga menegaskan bahawa langit adalah tujuh lapis, sebagai membuktikan kekuasaanNya. Langit adalah penting sebagai bukti bentuk alam ini. Allah juga menyatakan bahawa Bumi diciptakan selepas cakerawala-cakerawala dicipta. Dan penciptaan alam ini adalah dalam enam masa.

Dari segi tujuan penciptaan, jelas di dalam al-Qur'an Allah menyatakan bahawa setiap ciptaan adalah mempunyai sebab dan tujuan. Dengan menegaskan bahawa Bumi sebagai pusat alam juga menunjukkan bahawa manusia adalah makhluk pilihan dan diletakkan di sebuah kediaman yang istimewa. Ini menunjukkan bahawa Allah mempunyai perancanganNya yang tersendiri terhadap manusia. Juga dinyatakan Bumi dicipta selepas segala cakerawala dicipta, sebagai menunjukkan ketuanan manusia di sistem suria. Letusan besar di dalam teori sains merujuk kepada permulaan alam ini. Di dalam al-Qur'an, letusan besar dikaitkan dengan pengakhiran alam ini. Al-Qur'an menyatakan bahawa alam ini mempunyai akhir dan ia akan diciptakan semula adalah bertujuan untuk

pembalasan (kemuncak penciptaan), iaitu tujuan sebenar manusia diciptakan iaitu untuk diuji dan diberi ganjaran.

Perbandingan di antara aspek-aspek penciptaan di antara al-Qur'an dan sains juga memperlihatkan ciri-ciri persamaan dan perbezaan. Umumnya data-data sains pada hari ini tidak mempunyai banyak perbezaan dengan dalil-dalil al-Qur'an.

Jadual 5.2 (b)

(Perbandingan Aspek-aspek Penciptaan Di antara al-Qur'an dan Sains)

Bil.	Al-Qur'an	Sains	Persamaan / perbezaan
1.	Allah sebagai pencipta	Kebanyakan teori sains menafikan kewujudan pencipta dan percaya bahawa kehidupan wujud secara semulajadi	Al-Qur'an meletakkan Tuhan sebagai matlamat hidup sedangkan sains menganggap Tuhan sebagai penghalang kepada kemajuan yang menjadi matlamat hidup
2.	Bumi dan langit asalnya satu	Sains berpendapat alam bermula dari satu letupan besar pada satu titik (jisim mampat)	Ada persamaan di antara al-Qur'an dan sains, malah al-Qur'an memperincikan lagi keterangan sains dengan menjelaskan bahawa Bumi dan langit dipisahkan pada proses awal kejadian alam
3.	Alam dicipta dengan tujuan	Alam semesta adalah satu proses semulajadi. Ia tidak mempunyai sebab dan tujuan	Perbezaan berlaku kerana sains tidak menerima konsep ketuhanan
4.	Alam bermula dari asap	Alam semesta terjadi dari nebula yang merupakan gas-gas	Persamaan yang ketara di antara sains dan al-Qur'an
5.	Alam dicipta dalam masa	6 Sains tidak dapat mengagak dengan tepat tempoh penciptaan alam	Konsep 6 masa di dalam al-Qur'an menunjukkan peringkat-peringkat penciptaan bukan tempoh. Ia boleh dikatakan selari

			dengan sains yang tidak menganggap masa sebagai penting dalam proses penciptaan
6.	Alam diciptakan dari air	Fakta sains menunjukkan air sebagai sumber kehidupan.	Air sebagai penyebab kepada kehidupan. Di dalam al-Qur'an banyak disebut tentang hikmah air seperti ayat tentang pembentukan awan
7.	Cakerawa la-cakerawala dicipta sebelum Bumi	Tiada terdapat data sains yang menunjukkan secara tepat planet atau bintang mana yang wujud dahulu	Allah menjelaskan bahawa Bumi dijadikan terkemudian dari objek-objek angkasa lain. Ini menunjukkan penciptaan Bumi sebagai pelengkap kepada penciptaan alam semesta
8.	Langit dicipta lapis 7	Langit mempunyai 7 lapisan udara	Langit-langit sebanyak 7 lapis dinyatakan di dalam al-Qur'an secara jelas, di mana setiap lapisan mempunyai penghuninya
9.	Alam semesta mengembang	Sains membuktikan alam sentiasa berkembang	Pandangan al-Qur'an adalah selari dengan sains
10.	Bumi sebagai pusat alam	Bumi dan matahari merupakan sebahagian dari alam semesta yang luas dan tidak istimewa. Alam adalah infiniti dan tidak mempunyai pusat	Dengan ini menafikan peranan manusia sebagai pentadbir bumi yang mempunyai tugas yang khusus
11.	Letusan besar	Letusan besar sebagai permulaan kewujudan alam	Al-Qur'an tidak menyatakan secara jelas ia sebagai permulaan tetapi dinyatakan secara jelas ia sebagai kesudahan alam
12.	Alam ada akhir	Sains meramalkan alam akan musnah	Alam semesta akan musnah sebagai permulaan kepada alam akhirat
13.	Penciptaan semula alam	Sains turut meramalkan alam akan diciptakan semula selepas ia musnah pada kali pertama	Proses penciptaan semula sebagai balasan, namun sains melihatnya sebagai satu proses semulajadi

Ringkasnya menurut al-Qur'an alam ini adalah bermula dari tiada kepada ada kerana ia mempunyai pencipta dan ciptaannya adalah mempunyai tujuan yang besar, bukan sekadar main-main atau kebetulan semata-mata. Umat Islam tidak harus terlalu leka dengan kecanggihan dunia sains dan teknologi sehingga melupakan pegangan yang disediakan oleh al-Qur'an. sebelum mendalami ilmu sains, umat Islam seharusnya mengetahui dan mempunyai pegangan mereka sendiri.

Perbandingan juga dibuat pada model-model alam semesta. Model-model alam semesta adalah dibentuk berdasarkan bentuk alam semesta, umur dan keadaannya. Model-model dibentuk terbahagi kepada dua iaitu yang berdasarkan model letusan besar dan model yang tidak berdasarkan model letusan besar.

Terdapat tiga bentuk alam semesta yang dikemukakan iaitu leper, hiperbola dan sfera. Keadaannya pula terbahagi kepada tiga iaitu

- i. Terbuka dan terbatas
- ii. Terbuka dan tidak terbatas
- iii. Tertutup dan terbatas

Akhiran atau umur terbahagi kepada empat

- i. Berkembang terus
- ii. Berkembang kemudian hancur
- iii. Statik, kemudiannya berkembang terus
- iv. Statik

Menurut al-Qur'an alam ini adalah tertutup dan terbatas. ia akan berakhir (ia berkembang kemudian hancur). Ayat-ayat al-Qur'an yang menyebut *qaddara* bermaksud ukuran. Ukuran memberi makna ada had atau batas, maknanya tertutup. Juga di dalam peristiwa *Isra'* dan *Mi'raj* ada disebut tentang pintu, bermaksud wujudnya tutupan lahiriah yang berbentuk pepejal. Nabi telah masuk mengikut pintu yang dijaga oleh malaikat. Apabila baginda sampai ke *Sidratul Muntaha*, baginda diberitahu bahawa itu adalah penamat bagi segala-galanya.

Mengenai bentuk alam semesta pula, ia tidak dibincangkan secara langsung. Terdapat ayat yang menyatakan ia terbelah. Kenyataan ini boleh dikaitkan dengan sesuatu yang bulat, bundar atau sfera. Bermakna alam ini tidak leper.

Firman Allah :

فَإِذَا نُفِخَ فِي الصُّورِ نَفَخَةً وَاحِدَةً ﴿١﴾ وَحُمِلَتِ الْأَرْضُ وَالْجِبَالُ  
فَذُكَرَتِ الدُّكَّةُ وَحِدَةً ﴿٢﴾ فَيَوْمَئِذٍ وَقَعَتِ الْوَاقِعَةُ ﴿٣﴾ وَانْشَقَّتِ السَّمَاءُ  
فَهِيَ يَوْمَئِذٍ وَاهِيَةٌ ﴿٤﴾

Maksudnya :

"Kemudian (ketahuilah bahawa) apabila ditüp sangkakala dengan sekali tiup. Dan bumi serta gunung-ganang diangkat (dari tempatnya) lalu dihancurkan keduanya dengan sekali hancur. Maka pada saat itu berlakulah hari kiamat. Dan terbelahlah langit, lalu menjadilah ia pada saat itu reput (dan runtuh)."

(al-Hāqqah : 13-16)

Firman Allah :

يَوْمَ تَشَقَّقُ الْأَرْضُ عَنْهُمْ سِرَّاً غَدِيرَ حَسْرٍ عَلَيْنَا يَسِيرُ  
﴿٦﴾

Maksudnya :

“Pada hari bumi terbelah-belah untuk mereka segera keluar (daripadanya). Perbuatan (menghidupkan dan) menghimpunkan mereka di Padang Mahsyar itu, mudah bagi Kami melaksanakannya.”

(Qāf : 44)

### 5.3 Rumusan

Sains dan agama tidak bercanggah malah sains boleh dieksplotasi untuk menambah keyakinan dan menarik golongan yang tidak percayakan Allah. Namun kita harus berhati-hati di dalam menggunakan pendekatan saintifik untuk menarik minat golongan ini agar tidak terlalu bergantung kepada sains pula. Sains hanyalah berperanan sebagai alat ke arah memahami dan mematuhi perintah-perintah Allah.

Sains dan agama tidak akan bercanggah kerana sains adalah ilmu dan semua ilmu adalah dari Allah. Percanggahan mungkin berlaku kerana kurang pengetahuan kita atau belum memberi tafsiran yang tepat pada ayat-ayat al-Qur'an. Al-Qur'an dan sains secara langsung dan tidak langsung berasal dari Allah jadi ia sepatutnya tidak bersalahan. Ada percanggahan hanya bermakna bahawa keadaan pengetahuan kita kini dan pemahaman tidak cukup untuk faham

aspek-aspek tertentu al-Qur'an dan al-Sunnah. Ilmu pengetahuan masa depan mungkin dapat menjelaskannya.<sup>271</sup>

Dari segi falsafah tabi'ie, istilah ayat-ayat *mutasyabihat* di dalam al-Qur'an mempunyai beberapa pengertian<sup>272</sup>

- i. Ada ayat yang *mutasyabihat* dari sudut awam dan bidang pengkhususan. Ia bukan untuk orang awam tetapi untuk ahli di bidang itu sahaja..
- ii. Ada ayat yang *mutasyabihat* apabila menyentuh soal-soal metafizik yang tidak mungkin difahami secara menyeluruh oleh manusia walau bagaimana tinggi ilmunya. Seperti istilah ‘enam masa’ dalam penciptaan dan *kursi* Allah terletak di atas air.
- iii. Ada ayat yang *mutasyabihat* daripada konteks halangan ilmu semasa. Pengertian sesuatu ayat itu bergantung atau terikat kepada tahap perkembangan ilmu. Contoh ayat tentang proses embriologi yang kurang difahami dalam konteks ilmu 1000 tahun dahulu tapi difahami dengan lebih jelas dewasa ini.

Ya'qub Yusuf menjelaskan bahawa semua teori-teori ini merupakan telahan sains. Di dalam mengkaji al-Qur'an ia tidak dianggap ia sebagai satu teori yang putus. Ia dilihat sebagai teori yang sedia untuk dinilai semula. Ia hanya akan dianggap betul kerana dilihat sama dengan maksud ayat al-Qur'an.<sup>273</sup>

---

<sup>271</sup> Mir Anees-uddin (1999), *Op. Cit.*, h. 15

<sup>272</sup> Hairuddin Harun (1992), *Op. Cit.*, h. 156 -157

<sup>273</sup> Ya'qub Yusuf (1970), *Lafātāt 'Ilmiyyah min al-Qur'ān*, Beirut : Maṭabi' Dār al-Qalam, C.2, h. 21

Menurut Eric J. Lerner, seorang kosmologis yang menolak Teori Big Bang, Teori Big Bang menyatakan alam semesta adalah sebuah kosmos yang finiti yang dicipta dari tiada kepada ada dan akan musnah. Menurutnya pendapat ini hanya mengikut rasional sahaja dan pandangan seperti ini hanya muncul pada zaman krisis sosial. Teori ini menurutnya lagi akan menganjurkan sikap pesimistik yang fatalistik yang melumpuhkan masyarakat.<sup>274</sup>

Golongan yang menolak Teori Letupan Besar mengemukakan tiga isu asas yang tidak dapat dijawab oleh teori ini iaitu<sup>275</sup>

1. Apa yang berlaku sebelum saat yang mula-mula
2. Sifat ketunggalan itu sendiri
3. Asal usul galaksi

Perkara ini tidak menjadi persoalan jika mereka percaya kepada Allah dan menerima konsep ketuhanan.



Pandangan yang menolak teori penciptaan alam sebenarnya didalangi oleh kepercayaan-kepercayaan tertentu yang menolak kewujudan Tuhan. Ia didokong kuat oleh falsafah yang disebut materialisme. Menurut pandangan ini hanya jisim sahaja yang wujud dan telah wujud sejak dari zaman infiniti lagi. Dengan itu ia mendakwa bahawa alam semesta sentiasa wujud dan tidak diciptakan. Materialis juga menegaskan bahawa alam semesta tidak mempunyai tujuan dan matlamat.

---

<sup>274</sup> Eric J. Lerner (t.t), *Op. Cit.*, h. 6

<sup>275</sup> Joseph Silk (1989), *Op. Cit.*, h. 395

Semua keseimbangan, harmoni dan keteraturan di alam semesta adalah secara kebetulan.<sup>276</sup>

Umat Islam harus peka pada permasalahan ini dan berhati-hati di dalam menerima konsep dan idea-idea saintifik yang kebanyakannya didokongi oleh golongan-golongan ini.

#### 5.4 Saranan-saranan

Dari kajian yang dibuat penulis membuat beberapa saranan yang difikirkan perlu diberi perhatian dan dilaksanakan oleh masyarakat Islam hari ini terutamanya golongan muda.

1. Meningkatkan kefahaman tentang alam semesta dengan cara tadabbur alam dan meneliti tanda-tanda kebesaran Allah padanya.
2. Mempelajari ilmu astronomi dan kosmologi dan mengambil alih penguasaannya dari saintis Barat
3. Berusaha untuk meningkatkan penguasaan teknologi-teknologi yang terkini
4. Guru-guru agama harus mempelajari tentang sains bagi mendedahkan kepada pelajar pandangan Islam tentang isu-isu terkini di dalam dunia sains dan bagaimana Islam menanganinya

---

<sup>276</sup> Harun Yahya (2000), *Op. Cit.*, h. 7

5. Guru-guru sains juga perlu mempunyai ilmu pengetahuan agama bagi mengelakkan dari memberikan fakta-fakta yang bertentangan dengan Islam bukan semata-mata mengikut kehendak sains
6. Pihak kerajaan harus memberi galakan dan insentif bagi penerokaan ilmu-ilmu sains khususnya kepada golongan belia
7. Pihak swasta dan badan bukan kerajaan juga berperanan dalam memberi galakan dengan pengajuran kelab-kelab atau perkhemahan-perkhemahan sains dan sebagainya
8. Ibu bapa juga boleh memberi galakan dan motivasi agar memupuk minat anak-anak mempelajari bidang sains dan mengaplikasikannya menurut cara Islam

## 5.5 Penutup

Mengikut teori sains, kerapian, kesempurnaan pada alam semesta (bintang-bintang, pergerakan planet dan sebagainya) adalah mengikut hukum yang amat mantap dan seimbang yang dipanggil hukum alam semulajadi (*law of nature*). Berbeza dengan Islam yang menamakannya sebagai sunnatullah.<sup>277</sup>

Islam sudah mempelopori ilmu sains sejak dari zaman dahulu lagi. Malah boleh dikatakan angkasawan pertama ialah Nabi Muhammad S.A.W apabila baginda bermi'raj ke *Sidratul Muntaha*.<sup>278</sup> Tokoh-tokoh sains terkemuka Islam seperti Ibn Sina, Ibn Rushd, al-Khawarizmi dan ramai lagi merupakan pembuka

---

<sup>277</sup> Zakaria Awang Soh (1990), *Op. Cit.*, h. 31

<sup>278</sup> *Ibid.*, h. 32

jalan kepada penerokaan ilmu sains di dunia dan kitab-kitab mereka dikaji oleh Barat. Kemunduran sains Islam ada kaitannya dengan menurunnya pegangan umat Islam kepada ajaran al-Qur'an. Semangat Iqra' tidak lagi menjadi dorongan utama bagi kebanyakan umat Islam dalam berilmu.<sup>279</sup>

3

Masyarakat hari ini terlalu mengagung-agungkan sains sehingga mereka seolah-olah mentuhankan sains. Sains adalah semata-mata ilmu pengetahuan tentang alam semulajadi yang disusun secara sistematik.<sup>280</sup> Sejarah sains telah menunjukkan bahawa ia tidak pernah pasti tentang banyak perkara. Teori-teori tentang pelbagai subjek telah diubahsuai dari masa ke semasa dan perubahan yang seterusnya diramalkan oleh saintis-saintis sendiri.<sup>281</sup>

Pada era sains hari ini masyarakat sudah memupuk kepercayaan yang kuat terhadap sains hingga pandangan mereka adalah merujuk kepada persetujuan sains setuju. Mereka seolah-olah melupakan bahawa Islam satu tatacara kehidupan manakala sains adalah pengumpulan ilmu pengetahuan dari pemerhatian, eksperimen dan rujukan terhadap alam semesta yang diperolehi oleh manusia.<sup>282</sup>

Kepercayaan kepada kebenaran ayat-ayat al-Qur'an berkenaan dengan sains, bukan hanya akan menguatkan imannya tetapi akan memberikannya keyakinan untuk mengikut perintah al-Qur'an. Al-Qur'an dan sains secara langsung atau tidak langsung berasal dari Tuhan, dan sepatutnya tidak bersalah dalam tajuk-tajuk yang sama kepada kedua-duanya. Kurang persetujuan hanya

---

<sup>279</sup> Hairudin Harun (1992), *Op.Cit.*, h. 88

<sup>280</sup> Mir Anees-u-din (1999), *Op.Cit.*, h. 11

<sup>281</sup> *Ibid.*, h. 12

<sup>282</sup> *Ibid.*, h. 14

bermakna bahawa keadaan pengetahuan kita kini dan pemahaman tidak cukup untuk memahami aspek-aspek tertentu al-Qur'an dan al-Sunnah dan ilmu pengetahuan masa depan mungkin akan menghuraikan kontroversi ini.<sup>283</sup>

Menurut ilmu kosmologi Islam, walau apa pun teori mengenainya, hendaklah diyakini bahawa alam ini bersifat ‘baru’, iaitu yang dijadikan.

Ramai saintis, ahli astronomi yang memeluk agama Islam selepas melakukan kajian, kerana penemuan yang mereka temui sudah lama termaktub di dalam al-Qur'an.<sup>284</sup>

Ayat-ayat al-Qur'an berkenaan dengan astronomi menunjukkan kehebatan dan kekuasaan Allah. Astronomi di dalam Islam bukan sebagai penentu kiblat serta waktu solat sahaja. Pengajian astronomi adalah perintah Tuhan ke atas umat Islam bagi menguatkan kepercayaan tauhid mereka kepadaNya.<sup>285</sup>

Menurut Imam al-Ghazali, surah al-Fatiyah, sebagai awal surah di dalam al-Qur'an menyebut tentang alam terlebih dahulu رب العالمين sebagai perangsang untuk belajar ilmu pengetahuan alam, kerana ia satu cara untuk kenal Allah dan tahu kepentingan hidup di dunia ini. Kalimah اياك نعبد اياك نسألك iaitu mengenai ibadah diterangkan selepasnya menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan adalah di dahulukan dari ibadah.<sup>286</sup>

---

<sup>283</sup> *Ibid.*, h. 15

<sup>284</sup> Muḥammad Ismā'īl Ibrahīm (t.t.), *Op. Cit.*, h. 54

<sup>285</sup> Dr. Shaharir (2001), *Op. Cit.*, h. 187

<sup>286</sup> Syeikh Tantawi Jauhari (1984), *Al-Qur'an dan Ilmu Pengetahuan Modern*, Terj. Drs. Muhammadiyyah Ja'far, Surabaya : al-Ikhlas, h. 93

Selagi manusia tidak memahami tentang penciptaan, dia tidak akan memahami kehebatan penciptanya dan hasilnya dia tidak akan dapat menikmati dengan sepenuhnya segala yang disediakan oleh Allah untuknya. Tanpa pemahaman pada hakikat sebenar penciptaannya juga akan menyebabkan manusia tidak tahu tugas dan matlamat hidup mereka di bumi Allah ini.